

# Konsep kabin sekolah pedalaman, kurang murid

Oleh HABIBAH OMAR

**CYBERJAYA** 10 April - Kementerian Pelajaran akan memperkenalkan konsep kabin untuk Sekolah Kurang Murid (SKM) dan sekolah pedalaman dalam usaha memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan komputer.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, konsep kabin lebih murah dan ia akan diperkenalkan di sekolah yang tidak mempunyai ruang mencukupi bagi pembinaan makmal komputer.

"Kita telah memutuskan akan membina sekolah dengan reka bentuk yang lebih praktikal dengan keadaan di kawasan pedalaman dan pendekatan ini telah diperkenalkan di Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Sekolah Seri Puteri oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah di sini, hari ini. Hadir sama isterinya, Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah.

Hishammuddin menjelaskan, konsep kabin itu selaras dengan usaha kementerian untuk melengkapkan sekolah

dengan infrastruktur, perkasakan, perisian kursus dan aplikasi dalam program pembestarian sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau menambah, setakat ini sebanyak 5,266 makmal komputer telah diwujudkan di sekolah-sekolah seluruh negara dan 800 lagi makmal komputer akan dibina tahun ini.

Beliau berkata, bagi mengurangkan nisbah komputer kepada murid-murid, sebanyak 1,584 buah pusat akses telah diwujudkan.

Menurutnya, melalui pusat itu, sebanyak 15,840 unit komputer riba telah dibekalkan ke sekolah yang terlibat.

"Dalam pelan induk kita terdapat rancangan untuk membekalkan lagi komputer kepada 2,100 pusat akses termasuk 1,600 yang diluluskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa melancarkan program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar, Januari lalu.

"Semua pendekatan itu akan membantu mengurangkan nisbah komputer kepada murid daripada 1:40 kepada 1:20 termasuk meningkatkan lagi pendedahan mereka kepada teknologi maklumat," katanya.

um- 11/4/2007.  
Konsep kabin lebih murah dan ia akan diperkenalkan di sekolah yang tidak mempunyai ruang mencukupi bagi pembinaan makmal komputer

HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN  
Menteri Pelajaran



TUANKU Nur Zahirah (tiga dari kiri), Hishammuddin Tun Hussein, Tengku Marsilla Tengku Abdullah (empat dari kiri) dan Pengetua Sekolah Seri Puteri Cyberjaya, Sabihah Ibrahim mendengar penjelasan daripada para pelajar mengenai aktiviti pembelajaran selepas majlis perasmian sekolah itu, semalam.